

Membasmi Kemiskinan Cara Yayasan Sejahtera

Oleh Ali Imran Mohd Noordin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Tarikh 17 Okt adalah Hari Antarabangsa Untuk Membasmi Kemiskinan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Malaysia mempunyai banyak sebab untuk moralkannya berdasarkan rekod comersing negara melaksanakan usaha itu.

Jumlah isi rumah miskin, di kedua-dua kawasan bandar dan kampung dicatatkan menurun sejak negara mencapai kemerdekaan.

Contohnya, daripada tahun 2009 hingga 2012, kadar kemiskinan isirumah menurun sebanyak 52.7 peratus, lalu daripada 228,400 pada tahun 2009 kepada 108,000.

Malah golongan miskin di negara ini kini menikmati pelbagai kemudahan bantuan termasuk bayaran tunai BR1M.

Makanya mereka perlu menganggap bernasib baik berbanding dengan golongan miskin di negara lain yang tidak ada sebarang bantuan atau cara untuk mengurangkan kesempitan hidup.

Bagaimanapun, pihak kerajaan Malaysia serta pertubuhan yang terlibat dalam usaha untuk membasmi gejala kemiskinan ini masih menganggap perjuangan ini masih belum selesai.

Bagi individu seperti Tan Sri Faizah Mohd Tahir, pengerusi lembaga pemegang amanah Yayasan Sejahtera (YS), kerjasama strategik antara kerajaan dan pertubuhan seperti YS adalah penting dalam meningkatkan usaha membasmi kemiskinan.

YS adalah saluran untuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Polaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) membantu kerajaan ke arah usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

KEMISKINAN TEGAR

"Kami turut berperanan dalam melengkapkan usaha kerajaan membasmi kemiskinan. Kami akui memang masih ada isi rumah miskin dan miskin tegar dan inilah peranan kami sebagai rakan kongsi strategik agensi kerajaan,

"Ada banyak sebab mengapa masih ada kemiskinan di Malaysia. Berdasarkan pengalaman kami, mereka yang tinggal di kawasan terpencil atau pedalaman lebih mudah terjerumus ke dalam lembah kemiskinan", kata Faizah.

Pada masa ini, program YS memberi tumpuan kepada golongan miskin tegar dengan rancangan jangka masa panjang untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Sehingga Ogos 2014, sebanyak 6,431 keluarga telah menerima bantuan daripada YS dalam bentuk kelengkapan, kemahiran dan infrastruktur bagi mengikuti program berkaitan dengan pertanian, jahitan, pendidikan dan pelayaan.

KERJASAMA KUNCI KEJAYAAN

"Kami tidak memberi wang tunai kepada peserta. Matlamat kami adalah untuk membimbing dan membantu mereka supaya mampu memperoleh pendapatan berkesan untuk keluarga.

"Untuk itu, kami bekerja rapat dengan agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan universiti.

"Di peringkat negeri seperti Sabah, YS turut memainkan peranan aktif dalam program pembasmi kemiskinan yang dikendalikan kerajaan negeri", tambahnya.

YS melaksanakan misinya dengan bantuan Unit Penyataraan Pelaksanaan (ICU).

» Berita Utama Terdahulu

Najib Garis Lima Keutamaan Malaysia Sebagai Anggota Tidak Tetap UNSC
 Malaysia Akan Gerak Rundingan FTA Dengan Kesatuan Eropah - Najib
 Kerajaan Senjata Pantau Fahaman Militer, Ekstremisme Dalam Negara - Najib

» Berita Terkini Lain

Ros Dirinta Dori Makkum Balas Pemilihan MC Tahun Lepas - politik
 Pendaftaran CIP Meningkat Kepada 90,078 Sehingga 16 Oktober - ekonomi
 Nicol Atasi Wee Wern Untuk Mara Ke Sepuluh Akhir - sukan
 Membasmi Kemiskinan Cara Yayasan Sejahtera - rencana
 UN Security Council Deplores Attack On Peacekeepers In Darfur - dunia

» Berita Pilihan Tertinggi

MI17, Hubungan Dua Hala Topik Busan Peminpin Asam Dengan Najib
 Najib Garis Lima Keutamaan Malaysia Sebagai Anggota Tidak Tetap UNSC
 Nicol Atasi Wee Wern Untuk Mara Ke Sepuluh Akhir



10/17/2014

BERNAMA - Membasmi Kemiskinan Cara Yayasan Sejahtera

Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan daftar kemiskinan lalu eKasih, pangkalan data isi rumah yang memperoleh kurang daripada RM1,000 sebulan di kawasan kampung dan RM1,500 sebulan di kawasan bandar.

Kebanyakan program yang dilaksanakan YS berasaskan latihan, justeru Yayasan ini perlu menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan yang mempunyai pengalaman dalam bidang masing-masing.

Contohnya, bagi projek meningkatkan mata pencarian di Kampung Song Song, Kota Belud, Sabah, YS bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertanian Pemasaran Persekutuan (FAMA) untuk membantu pelatih dalam penanaman halia.

Di Lutong Baku, Sarawak, YS berganding bahu dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Galian dan Geosains untuk memasang sistem air graviti bagi kemudahan 102 keluarga Penan.

Di Kelantan, program untuk mempromosi kegiatan pertanian serta pemilagaan berasaskan makanan dan jahitan dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Universiti Malaysia Kelantan.

Program ini berjaya merajana pendapatan tambahan terkumpul sebanyak RM510,528.50 untuk 55 peserta.

HARI BASMI KEMISKINAN

Dalam meraikan kejayaan Malaysia mengurangkan kadar kemiskinan sojak kemerdekaan serta bersempena dengan Hari Antarabangsa untuk Membasmi Kemiskinan PBB, yayasan ini akan menganjurkan program khas pada 28 Okt.

Program itu, Hari Antarabangsa YS untuk Membasmi Kemiskinan bertemakan "Miskin Bandar, Yang Terlepas Pandang dan Kurang Diberi Perhatian" bagi mengetengahkan isu semasa yakni kemiskinan bandar serta implikasi luasnya kepada negara.

"Kemiskinan bandar ini perkara baru buat kami, banyak yang perlu kami pelajari sebelum membuat sebarang rumusan program membasmi kemiskinan bandar pada 2015", jelas Fauziah.

Acara kemuncak program yang dianjurkan bersama Pusat Keusahawanan Sosial, Universiti Binary ialah Forum Kemiskinan Bandar, Perbincangan menjurus kepada "Perspektif Kemiskinan Bandar" yang mana pandangan masyarakat antarabangsa akan dapat juga didengar.

Antara ahli panel forum yang telah mengesahkan kehadiran ialah Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Dr. Chamhuri Siwar, Pengasas Yayasan Chow Kit, Dr. Hartini Zainudin serta Pengarah NKRA (Jenayah), SRI (PSD) dan Projek Khas, Unit Pengurusan Presentasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Datuk Dr. Amin Khan.

Maklumat lanjut mengenai majlis ini boleh layari laman sesawang rasmi www.sejahtera.my. Yang berminat menghadiri hari sambutan ini boleh menghubungi YS nombor telefon 03-22680041 (sambungan 0038) atau emel info@sejahtera.my.

-- BERNAMA

[Purchase This News](#) 

▼ iklan

*Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [NewsWire](#).*

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi

MALAYSIAeBiz *Mingguan*
Warta Bersejarah

Utama Am Politik Ekonomi Sukan Rencana Dunia Senarai Berita Arkib Berita Suapan RSS Facebook BERNAMA Twitter BERNAMA

© 2014 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. [Penafian](#) | [Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#)
Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
Paparan terbaik menggunakan Firefox 8.0 & Internet Explorer 8.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

Perubahan Berita Nasional Malaysia,
Wisma BERNAMA No 28, Jalan 165A,
07 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2093 9933 (Talian Umum)
E-mel : helpdesk@bernama.com



Ads by Google

Ads by Google